


Kertas Bil. 90/2015



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN PROGRAM DI BAWAH
JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN
KAMPUNG TRADISI**



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI

PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2015 pada 30 Oktober 2015 dan 2-6 November 2015 serta 11-13 November 2015.

1. TUMPUAN LAPORAN JAWATANKUASA

Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) ini adalah untuk menguraikan penemuan dan cadangan umum Jawatankuasa bagi memperbaiki dan menambah baik pelaksanaan Program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi.

2. PENDENGARAN TERTUTUP PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI

JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup Program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi pada 22 September 2015 (Selasa) bagi mendengar taklimat dan pandangan pegawai daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sektoral yang terlibat dalam pelaksanaan program tersebut dalam tiga isu berikut:

- i) Peranan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa;
- ii) Peruntukan Pembangunan Tahun 2015; dan
- iii) Pelaksanaan dan Peruntukan Program.

3. PERAKUAN UPEN SEKTORAL

3.1 Peranan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa

- 3.1.1 Peranan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa pada dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar.
- 3.1.2 Jawatankuasa Tetap ini bertanggungjawab ke atas pelantikan Ketua Kampung Negeri Selangor seramai 368 orang yang hanya terdiri daripada Ketua Kampung Tradisi Melayu di semua 9 daerah.
- 3.1.3 Ketua Kampung Cina dan Ketua Komuniti India terletak di bawah Jawatankuasa Tetap yang berbeza.
- 3.1.4 Jawatankuasa Tetap menguruskan program-program turun padang bagi menyampaikan dasar Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi (Ketua Kampung dan JKKK dan Masyarakat Kampung Tradisi di negeri Selangor).
- 3.1.5 Jawatankuasa Tetap ini menguruskan permohonan projek-projek kecil infrastruktur luar bandar ke Seksyen Agihan dan Pembangunan untuk tindakan selanjutnya.
- 3.1.6 Jawatankuasa ini mengadakan program-program kemasyarakatan dan pemerkasaan desa.
- 3.1.7 Jawatankuasa ini mengkaji dan melaksanakan projek yang boleh dilaksanakan di kampung bagi membangunkan kampung secara berdikari mampan (self-sustainable);
- 3.1.8 Jawatankuasa ini juga berperanan sebagai urus setia mesyuarat STANDCO Pembangunan Desa dan Tabung Amanah Pembangunan Desa.

3.2 Peruntukan Pembangunan Tahun 2015

- 3.2.1 Peruntukan pembangunan pada tahun 2015 yang diperuntukkan untuk Program Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi ialah RM 2 juta, Aktiviti Pembangunan Kampung sebanyak RM 500 ribu dan di bawah Tabung Amanah Pembangunan Desa sebanyak RM 6 juta.

3.3 Pelaksanaan dan Peruntukan Program

- 3.3.1 Teras Program Pembangunan Desa adalah untuk meningkatkan taraf sosial rakyat Negeri Selangor ke arah kesejahteraan Negeri. Contohnya projek yang dilaksanakan di bawah program ini termasuk Program Ramah Mesra YB EXCO bersama Nazir Masjid dan Ketua Kampung mengikut daerah. Program ini akan dilaksanakan di 9 daerah bagi mewujudkan perhubungan yang baik antara pihak Kerajaan Negeri dengan akar umbi di kampung. Peruntukan kewangan yang terlibat ialah RM10,000.00. Untuk tahun 2015, program ini dilaksanakan bersekali dengan Karnival “Kampungku Kesayanganku”.
- 3.3.2 Program 3K iaitu “Kampungku Kesayanganku” yang telah dijalankan di 5 daerah yang bertujuan melahirkan rasa cintakan kampung di kalangan masyarakat. Peruntukan kewangan yang terlibat untuk program ini ialah RM 360 ribu. Di bawah program ini, Jawatankuasa Tetap akan memilih 1 kampung di setiap daerah untuk melaksanakan program ini. Fokus program ini lebih kepada golongan yang tinggal di kampung. Program ini akan dijalankan untuk dua hari, dua malam dengan peruntukan RM 24 ribu untuk setiap kampung. Walau bagaimanapun, peruntukan ini ialah tidak mencukupi dan ADUN terlibat akan diminta untuk *top-up* yang selebihnya. UPEN telah memohon kelulusan untuk meningkatkan bajet untuk program ini pada tahun hadapan.
- 3.3.3 Seterusnya, Pertandingan Kampung Tradisi Terbaik yang mempunyai golongan sasaran 368 Kampung Tradisi bagi menggalakkan persaingan sihat di antara kampung untuk meningkatkan ekonomi. Terdapat dua peringkat pertandingan ini akan diadakan iaitu pada peringkat Daerah dan peringkat Negeri.
- 3.3.4 Terdapat 7 kriteria yang akan digunakan untuk memilih pemenang Kampung Tradisi Terbaik. Kriteria tersebut termasuk kriteria keindahan kampung dan ekonomi setempat di mana Jawatankuasa Tetap akan melihat adakah aktiviti yang dijalankan mencerminkan identiti dan produk yang dihasilkan oleh kampung tersebut. Program ini menggalakkan Ketua Kampung memaklumkan kepada Kerajaan Negeri apa aktiviti yang dijalankan di kampung masing-masing supaya Kerajaan Negeri boleh membantu untuk mengembangkan aktiviti mereka. Markah yang diberikan untuk kriteria keindahan ialah 10% dan untuk pembangunan ekonomi setempat ialah 20%. Dari aspek ekonomi setempat, Jawatankuasa Tetap akan menilai daripada segi sama ada aktiviti tersebut memberikan sumbangan kepada penduduk kampung tersebut. Contohnya, aktiviti yang dijalankan membenarkan kaum belia di kampung tersebut tidak perlu keluar ke bandar untuk mencari pekerjaan.
- 3.3.5 Program lain termasuk program “1 Daerah, 1 Inkubator” yang dirancang untuk dijalankan di 9 buah daerah. Inkubator ini merupakan tempat yang

mana tempat tersebut akan digunakan untuk memberi peluang kepada belia-belia desa yang memulakan perniagaan dan bantuan akan diberikan dari segi modal, peralatan dan juga bimbingan hasil daripada kerjasama oleh Kolej INPENS kepada peserta-peserta program ini untuk memulakan perniagaan di inkubator. Peserta hanya akan diberi bantuan di inkubator antara 1 - 2 tahun. Selepas itu, peserta akan melaksanakan perniagaan dengan sendiri.

- 3.3.6 Bajet yang diperuntukkan ialah RM900 ribu tetapi bajet ini tidak mencukupi untuk melaksanakan program di setiap 9 daerah jadi buat masa kini, UPEN hanya akan melaksanakan program ini di 4 daerah sahaja.
- 3.3.7 Program Industri Komuniti Kampung merupakan kursus program jangka masa sederhana dan merupakan hasil kerjasama antara STANDCO Desa bersama Kolej INPENS dan Kolej ITKAU yang merupakan kolej yang khusus untuk mempelajari kemahiran kulinari. Terdapat tiga program di bawah program ini iaitu program penjajaan makan dan minuman, program stimulasi terapi/urut dan khusus kepada Kolej INPENS bagi peserta yang ingin mempelajari kemahiran pembaikan penghawa dingin, kecantikan dan sebagainya. Peruntukan yang kewangan yang ditetapkan ialah RM 700 ribu.
- 3.3.8 Pertandingan Usahawan Kampung Terbaik dilaksanakan bersekali dengan Kampung Tradisi Terbaik. Fokus program ini adalah kepada usahawan runcit sebab menurut Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi setakat ini tiada STANDCO yang memberikan pengiktirafan kepada keusahawanan runcit. Pertandingan ini dibuka kepada usahawan Melayu sahaja. Modal berbayar untuk peserta pertandingan ini ialah RM 50 ribu.
- 3.3.9 Kursus kemahiran jangka pendek yang bertujuan memberi pendedahan kepada penduduk kampung yang berminat berniaga dilaksanakan selama 1-2 hari. 1 hari akan diadakan di Kolej ITKAU dan 2 hari di Kolej INPENS yang memberi tumpuan kepada penduduk desa yang tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik yang lebih tinggi. Contohnya bagi mereka yang berminat mempelajari kemahiran masakan, Kolej ITKAU menyediakan kursus masakan bagi 9 menu yang dibahagikan mengikut daerah masing-masing. Peruntukan kewangan yang diperuntukkan ialah RM 200 ribu.
- 3.3.10 Peserta untuk kursus jangka masa pendek mampu menyambung pembelajaran kemahiran ke peringkat seterusnya. Kursus jangka pendek tersebut merupakan tahap pertama dan mana-mana peserta yang berkelayakan akan diserap ke dalam Program Industri Komuniti Kampung di mana program tersebut akan dijalankan antara 5-7 hari. Selepas itu, jika peserta menunjukkan minat dan benar-benar layak mereka akan diserap ke dalam program inkubator.

3.3.11 Mula-mula untuk kursus jangka pendek, peserta dipilih melalui Pejabat Daerah dengan bantuan Ketua Kampung. Tetapi melalui kaedah ini, UPEN mendapati sambutan yang diterima kurang memuaskan dan proses lambat. Oleh itu, baru-baru ini UPEN mengambil keputusan untuk melibatkan ADUN bagi mencalon peserta. Selepas proses pencalonan UPEN akan menemu duga peserta bersama pegawai di pejabat YB Yunus, pegawai Kolej INPENS dan Kolej ITKAU.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1 Program-program yang dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi tidak berteraskan kepada matlamat membangunkan kampung secara berdikari dan mampan (self-sustainability), bersifat populis, mempunyai impak jangka pendek dan tidak menyelesaikan masalah utama penduduk kampung iaitu penyediaan infrastruktur bagi menggalakkan kemampuan menjana ekonomi setempat.
- 4.2 Satu kajian impak ataupun data assessment tidak dilakukan di bawah program-program tersebut bagi mengkaji masalah-masalah sebenar yang dihadapi oleh penduduk kampung.
- 4.3 Selain itu, program-program tersebut lebih fokus kepada meningkatkan kemahiran penduduk kampung dalam satu bidang yang khusus contohnya seperti kemahiran teknikal dan vokasional serta perniagaan. Tetapi program-program tersebut tidak memupuk kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif yang merupakan satu kemahiran yang amat diperlukan dalam zaman globalisasi ini.
- 4.4 Program-program tersebut tidak membantu memasarkan ataupun mempromosikan *indigenous/local knowledge* penduduk kampung contohnya dalam bidang perubatan tradisional, kemahiran dalam kraf tangan, pertanian dan sebagainya bagi menjana ekonomi setempat mereka.
- 4.5 Bagi penduduk kampung yang terlibat dalam pertanian ataupun industri kecil dan sederhana yang lain, tiada inisiatif daripada program-program tersebut untuk mengajar dan menggalakkan penggunaan sumber setempat secara efektif dan efisien supaya dapat meningkatkan kesedaran alam sekitar.
- 4.6 Program-program tersebut tidak memberikan akses maklumat mengenai dasar Kerajaan dan polisi-polisi berkaitan dalam menjana dan membantu meningkatkan ekonomi kampung. Akses maklumat adalah penting dalam

memastikan ekonomi kampung adalah sejajar dengan polisi dan dasar Kerajaan.


5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1 Kerajaan Negeri hendaklah menyelesaikan masalah infrastruktur dengan menyediakan akses jalan kepada kawasan kampung, pembinaan utiliti seperti bekalan elektrik dan air serta akses kepada teknologi maklumat bagi menjana ekonomi setempat.
- 5.2 Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa hendaklah mengkaji semula fokus dan teras program-program yang sedang dilaksanakan dan merangka program yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembinaan kemahiran yang khusus tetapi kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Contohnya program perniagaan yang mengajar dan menggalakkan penggunaan sumber kewangan yang efektif dan pemasaran produk yang sesuai.
- 5.3 Kerajaan Negeri hendaklah merangka program di mana *indigenous/local knowledge* penduduk kampung dalam bidang perubatan tradisional, kemahiran dalam kraf tangan, pertanian dan sebagainya dipasarkan kepada pasaran domestik dan antarabangsa. Contohnya, Kerajaan Negeri hendaklah bekerjasama dengan pakar-pakar dalam bidang tertentu untuk mendapatkan piawaian ISO bagi produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk kampung tersebut.
- 5.4 Kerajaan Negeri hendaklah meningkatkan kesedaran penduduk kampung dalam penggunaan sumber setempat dengan efektif tanpa memudaratkan alam sekitar. Contohnya, Kerajaan Negeri hendaklah memberi insentif untuk menggalakkan kitaran semula dilaksanakan.
- 5.5 Kerajaan Negeri hendaklah sentiasa memberikan maklum balas mengenai arus permintaan produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk kampung serta pembaharuan teknologi yang sedia ada supaya penduduk kampung dapat meningkatkan kualiti serta pemasaran produk yang lebih efektif kepada pembeli.

- 5.6 Kerajaan Negeri hendaklah menerangkan dasar Kerajaan Negeri dalam menjana ekonomi setempat kepada penduduk kampung supaya program-program yang dilaksanakan oleh penduduk kampung itu sendiri adalah sejajar ataupun selari dengan dasar Kerajaan Negeri.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JKP-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JKP-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada hari Rabu, 30 September 2015.

Disahkan oleh:

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Haniza Talha".

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
Pemangku Pengurus Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
(JKP-Pembasmian Kemiskinan)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. | Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |
| 7. | Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |

AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR

Ahli Jawatankuasa yang hadir pada 22 September 2015 (Selasa) adalah seperti berikut:

- | | | |
|----|---|-----------------------|
| 1. | Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Pemangku
Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |

AHLI PANEL YANG HADIR UNTUK MENYAMPAIKAN TAKLIMAT

Pegawai UPEN Sektoral yang hadir untuk menyampaikan taklimat pada 22 September 2015 (Selasa) adalah seperti berikut:

1. Puan Norazlina binti Abdul Aziz
Timbalan Pengarah
2. Cik Nurul Asyikin binti Noridin
Penolong Pengarah

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- iv) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- v) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker